

HAMPIR LIMA DEKAD SENIMAN AGUNG NEGARA, ALLAHYARHAM TAN SRI P. RAMLEE PERGI MENINGGALKAN KITA. NAMUN BEGITU, KATA-KATA, JENAKA, KETAWA DAN SENDA GURAUNYA MASIH KEKAL MEMBUGAR DALAM MINDA RAKYAT DI NEGARA INI. PENGARUH ALLAHYARHAM TERHADAP KEHIDUPAN HARIAN MASYARAKAT TERUS MALAR TANPA MENGIRA USIA, KAUM DAN LATAR BELAKANG. SEMAKIN LAMA, SEMAKIN MENEBAL KERINDUAN KEPADA SUSUK ALLAHYARHAM YANG MENINGGAL DUNIA PADA TAHUN 1973.



PUSTAKA PERINGATAN P. RAMLEE

*Pengubat Kerinduan
Seniman Agung
Negara*



Pustaka Peringatan P. Ramlee terletak di Jalan Dedap, Setapak.



Kereta terakhir yang digunakan sebelum Allahyarham P. Ramlee meninggal dunia.



Beca yang sering digunakan Allahyarham P. Ramlee sewaktu dalam penggambaran filem.

Penubuhan Pustaka Peringatan P. Ramlee (PPPR) di atas tapak bekas banglonya di Jalan Dedap, Setapak, Kuala Lumpur merupakan langkah tepat bagi mengubat kerinduan yang semakin bersarang terhadap susuk terbilang industri perfileman Melayu ini. Allahyarham mendiami banglo tersebut bersama-sama isterinya, Biduanita Negara Allahyarhamah Saloma setelah berpindah dari Singapura. Premis sejarah yang diletakkan di bawah kawal selia Arkib Negara Malaysia (ANM) ini mula dibuka kepada orang ramai pada 22 Mac 1986, setelah melalui beberapa fasa pemulihan dan penambahbaikan. Penubuhannya juga didorong oleh cadangan ANM sebagai menghargai peranan Allahyarham yang tidak ternilai dalam bidang seni perfileman Melayu dan membolehkan generasi

baharu mengenali dan mengkaji sumbangannya.

Menurut pegawai petugas di PPPR, sewaktu mula diambil alih, banglo tersebut berada dalam keadaan uzur. Rumah itu ditinggalkan terbiar tanpa jagaan kerana dikatakan selepas pemergian seniman agung ini, Saloma tidak menetap lagi di situ, dan banyak bahagian dalamnya dan barangan koleksi peribadi terbiar. Justeru itu, mengambil masa agak lama untuk kerja-kerja pemulihan yang melibatkan pembaikan dari segi fizikal dan hiasan dalaman. Pembaikan dan pemulihan yang dilakukan masih mengekalkan reka bentuk asal bangunan ini.

Bangunan yang terletak di pusat ibu kota itu mempamerkan pelbagai barangan peribadi

Allahyarham yang sangat bernilai dari segi sejarah seperti pakaian, piano, mesin taip, radiogram, keris, televisyen, surat penghargaan dan darjah kebesaran yang diterimanya. Manakala di bahagian luar, terdapat sebuah kereta dan beca yang dikatakan pernah digunakan dalam lakonannya. Kenderaan jenis Datsun merupakan kereta terakhir yang dibeli dan digunakan oleh Allahyarham bersama-sama Saloma hingga akhir hayatnya.


ANM menempatkan kerusi di bahagian luar bangunan untuk kegunaan pelawat berehat. Setiap kerusi tersebut dihiasi dengan tulisan pelbagai tajuk filem dan lagu yang pernah dipopularkan oleh Allahyarham. Antara tajuk filem yang tertera pada bahagian kerusi termasuklah *Anakku*



Mesin taip kesayangan Allahyarham P. Ramlee yang sering digunakan untuk menulis skrip filem.



Meja di ruang makan yang dikekalkan kedudukannya mengikut susunan asal.



Barangan peribadi Allahyarham P. Ramlee yang menjadi koleksi berharga untuk tatapan generasi akan datang.



Allahyarham P. Ramlee bersama-sama keluarga sewaktu sedang berkemas rumah sebelum berpindah dari Singapura ke Kuala Lumpur pada tahun 1964.

Sazali, Kanchan Tirana, Masam-masam Manis, Nasib Si Labu Labi, Musang Berjanggut dan Laksamana Do Re Mi; manakala tajuk lagu ialah Bunyi Gitar, Joget Si Pinang Muda, Merpati Dua Sejoli, Malamku Bermimpi, Gelora dan Kasihnya Ibu.

Melewati bahagian dalam bangunan yang berkeluasan 7200 kaki persegi ini membawa pelawat seolah-olah berada pada zaman Allahyarham memulakan kerjaya seninya, diikuti zaman kegemilangan pada era Studio Jalan Ampas, Singapura dan Studio Merdeka, Kuala Lumpur. Ramai yang tidak mengetahui minat dan hobi Allahyarham selain kegiatan seninya. Allahyarham sangat meminati sukan bola sepak, sepak takraw dan badminton. Dalam sukan bola sepak, Allahyarham kerap bermain di posisi penjaga gawang dan aktif bermain di sekolahnya, iaitu Penang Free School serta pernah mewakili pasukan Kampung Jawa dalam beberapa pertandingan persahabatan.

Begitu juga dengan sukan sepak takraw, Allahyarham mahir sebagai apit kiri dan pantas melibas bola yang diangkat oleh tekong. Bersama rakan-rakan sepermainan,

Allahyarham menubuhkan pasukan yang diberi nama “Sambarcas”. Allahyarham juga sangat handal dalam permainan badminton pada peringkat sekolah lagi. Kegemarannya terhadap permainan badminton turut dibawa sehingga ke Studio Jalan Ampas.

Menurut Allahyarham Jamil Sulong, Allahyarham bersama-sama kawan-kawannya membina sebuah gelanggang badminton di kawasan kediaman mereka di Boon Teik Road. Allahyarham P. Ramlee memiliki pasukan badminton yang dikenali sebagai “Sekawan Bintang” dan sering mengadakan perlawanan dengan pasukan lain di sekitar Singapura. Menurut Allahyarham Jamil Sulong lagi, beliau kerap menjadi rakan regu Allahyarham. Antara pelakon yang turut menyertai permainan badminton termasuklah seniman Ahmad Mahmud.

Mengikut maklumat pada paparan, P. Ramlee dilahirkan pada 22 Mac 1929 di Kampung Jawa, Pulau Pinang menerusi nama asalnya, Teuku Zakaria bin Teuku Nyak Puteh. Ayahnya berasal

dari Aceh, manakala ibunya merupakan penduduk tempatan. Tidak lama kemudian, namanya ditukar kepada Ramlee bin Puteh. Beliau dibesarkan di perkampungan yang terletak tidak jauh dari bandar Georgetown. Penduduknya terdiri daripada pelbagai etnik dan lapisan kelas masyarakat yang terdedah kepada kerencaman gelagat sosial.

Oleh sebab bersekolah di Sekolah Francis Light dan Penang Free School, penguasaan bahasa Inggerisnya agak baik. Sewaktu kecil, P. Ramlee diberi didikan agama yang kukuh menerusi bimbingan Sheikh Ahmad Balderam, bekas kadi Georgetown. Bapanya mengesan bakat seni yang dimiliki anaknya, lalu membelikannya gitar dan biola. Bermula dari situ, P. Ramlee berlatih menyanyi dan menyertai pertandingan nyanyian serta kerap menjuarai pertandingan.

Bagi mengembangkan bakatnya, pada tahun 1948, P. Ramlee telah berhijrah ke Singapura dengan menaiki kereta api dari Stesen Kereta Api Georgetown. Studio Malay Film Production di Jalan Ampas merupakan tempat

pertama yang dituju dan di situ juga beliau bertemu Ali Fijji, S. Sudarmaji, Zaiton, Beng Slamet, S. Kadarisman, Normadiah dan Aziz Sattar. Kerjayanya dalam filem tidak bermula dari atas, sebaliknya hanya sebagai pekerja bawahan seperti *clapper*, menolak dan menarik kamera di atas troli dan mengemas set penggambaran. Beliau kemudiannya diambil sebagai pelakon tambahan yang sekadar memegang tombak di dalam filem *Cinta* lakonan S. Roomai Noor dan Siput Sarawak.

P. Ramlee mula menyinar setelah berpeluang buat pertama kali beraksi sebagai hero dalam

Nujum Pak Belalang (1959); dan *Antara Dua Darjat* (1960).

Pada tahun 1964, P. Ramlee mengambil keputusan berpindah dari Singapura ke Kuala Lumpur. Mengikuti Aimi Jarr, penulis dan wartawan hiburan, beliau berada di rumah P. Ramlee hingga lewat pagi pada hari P. Ramlee dan Saloma berpindah ke Kuala Lumpur. Sebaik berpindah, P. Ramlee menyertai Studio Merdeka yang terletak di Hulu Klang. *Sitora Harimau Jadian* merupakan filem pertama arahan dan lakonannya di Kuala Lumpur. P. Ramlee merencanakan kegiatan seninya di bawah teraju Studio Merdeka dengan mengarah filem-

Melewati bahagian dalam bangunan yang berkeluasan 7200 kaki persegi ini membawa pelawat seolah-olah berada pada zaman Allahyarham memulakan kerjaya seninya, diikuti zaman kegemilangan pada era Studio Jalan Ampas, Singapura dan Studio Merdeka, Kuala Lumpur.

filem *Takdir Ilahi* bergandingan dengan Neng Yatimah. Filem keluaran tahun 1950 ini mendapat sambutan hebat dan menyerlahkan bakatnya dalam dunia lakonan yang selama ini dibayangi oleh para pelakon senior. Keupayaannya sebagai pengarah diuji dalam filem *Penarik Beca* dan merupakan filem pertama yang diarahkan oleh P. Ramlee pada tahun 1955. Kejayaan filem tersebut mendorong penerbit memberikan kepercayaan kepadanya sebagai pengarah untuk mengarahkan filem berikutnya, iaitu *Semerah Padi* (1956); *Bujang Lapok*, *Pancha Delima* (1957); *Sarjan Hassan*, *Sumpah Orang Minyak* (1958);

filem yang mendapat sambutan seperti *Masam-masam Manis*, *Do Re Mi*, *Nasib Do Re Mi*, *Keluarga 69*, *Putus Sudah Kasih Sayang* dan *6 Jahanam*.

Menerusi catatan yang tertera, P. Ramlee dilaporkan berkahwin sebanyak tiga kali. Kali pertama, beliau mengahwini Junaidah Daeng Haris pada tahun 1950 dan dikurniakan dua orang anak iaitu Nasir dan Arfan. Setelah berpisah, P. Ramlee mengahwini Norizan pada tahun 1955 dan berpisah pada tahun 1961. Pada tahun yang sama, beliau kemudiannya mengahwini Saloma dan perkahwinan tersebut kekal hingga akhir hayat. Sepanjang tempoh tersebut, P. Ramlee memiliki seramai tiga orang

anak tiri, iaitu Norma dan Abdul Rahman, dan Armali. Beliau juga dilaporkan mengambil lima orang anak angkat, iaitu Sazali, Betty, Zakiah, Sabarudin dan Dian P. Ramlee.

Sepanjang penglibatannya dalam dunia seni, bakat dan kebolehannya dianggap sangat luar biasa, dan diberi pelbagai penghargaan menerusi filem yang dilakon dan diarahkannya. Pada tahun 1956, P. Ramlee menerima anugerah Penggubah Lagu Terbaik di Festival Filem Asia Pasifik menerusi filem *Hang Tuah*. Seterusnya pada tahun 1957, beliau dianugerah Pelakon Lelaki Terbaik di Festival Filem Asia (FFA) menerusi filem *Anakku Sazali*. Pelbagai anugerah lain yang diterima menerusi FFA ialah Anugerah Fotografi Hitam Putih Terbaik (*Sumpah Orang Minyak*, 1958), Filem Komedi Terbaik (*Pendekar Bujang Lapok*, 1959), Filem Komedi Terbaik (*Nujum Pak Belalang*, 1960), "The Most Versatile Talent" (*Ibu Mertuaku*, 1963), dan Filem Komedi Terbaik (*Madu Tiga*, 1964).

Di PPPR ini, sudut pameran yang disusun indah dan rapi dengan pelbagai barangan koleksi peribadi menjadi satu tarikan dan warisan seni yang tidak ternilai. Tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa PPPR merupakan mercu tanda perkembangan dan kegemilangan industri perfileman Melayu di tanah air. Allahyarham yang meninggalkan kita semua pada 29 Mei 1973 telah menggubah sebanyak 390 buah lagu. Lagu ciptaan pertamanya ialah *Azizah*, manakala lagu terakhirnya berjudul *Air Mata di Kuala Lumpur*, seolah-olah seperti mengetahui dunia yang fana semakin meninggalkannya. Semoga Allah mencururkan rahmat dan mengampuninya. **DB**